

TH ANJUR PERSIDANGAN SERANTAU MANASIK HAJI PERTAMA

PUTRAJAYA, 8 OKTOBER 2025: Lembaga Tabung Haji (**TH**) buat julung kalinya menganjurkan Persidangan Serantau Manasik Haji yang menghimpunkan peserta dari negara serantau dan tempatan bagi membincangkan isu-isu hukum-hakam ibadat haji sebagai persediaan menghadapi musim haji 1447H/2026M.

Persidangan Serantau Manasik Haji membuktikan komitmen berterusan **TH** dalam memperkasakan aspek bimbingan haji kepada bakal jemaah haji negara, sekaligus mencerminkan pengiktirafan sebagai pembimbing ibadat haji terbaik dunia. Manasik adalah merujuk kepada tata cara melaksanakan ibadat haji yang mengikut ketetapan syarak.

Persidangan yang mengangkat tema Bimbingan Haji Dalam Era Kecerdasan Buatan (AI) ini diadakan serentak dengan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) ke-42 di Hotel DoubleTree by Hilton, Putrajaya, selama tiga hari bermula 7 Oktober.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar berkata penganjuran kali pertama ini tiba pada masa yang tepat untuk memperkukuh peranan institusi pengurusan haji serantau dalam memanfaatkan teknologi terkini demi meningkatkan kualiti bimbingan, pengurusan dan pengalaman ibadat haji.

"Saya dimaklumkan lebih 50 kertas kerja dan kajian telah dibentangkan berkaitan tema persidangan. Melalui platform ini, Malaysia bukan sahaja berpeluang berkongsi pengalaman, bahkan berpotensi menjadi pusat rujukan manasik haji di rantau ini. Hasil daripada penyelidikan dan persidangan ini akan diterbitkan dalam bentuk jurnal, buku dan kertas kerja yang boleh dijadikan rujukan oleh masyarakat Islam," tambah beliau.

YB Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im turut menegaskan bahawa usaha ini sejajar dengan aspirasi **TH** dalam memperkukuh penyelidikan dan inovasi, memperluas pemindahan ilmu serta mengoptimumkan penggunaan teknologi AI dalam bimbingan haji.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, MHPK turut menghimpunkan pengurusan **TH**, petugas operasi haji, Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA), Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, wakil-wakil Pengelola Jemaah Haji (PJH) dan ahli akademik untuk menyelaraskan kefahaman hukum-hakam berkaitan.

MHPK ke-42 yang bertemakan **Fiqh Haji Kontemporari dan Kemabruran** memberi tumpuan kepada isu-isu semasa berkaitan ibadat haji termasuk permasalahan dan juga rujukan kes daripada pertanyaan jemaah haji terutamanya semasa musim haji 1446H/2025M.

Perbahasan hukum adalah berkaitan Tawaf Wada' dalam konteks kontemporari, analisis permasalahan kesihatan jemaah wanita menurut empat mazhab dan cadangan penyelesaian, serta penentuan kriteria penyakit yang tiada harapan sembuh bagi tujuan badal haji menurut perspektif fiqh perubatan. MPKH ini juga turut menggariskan panduan pelaksanaan solat hormat waktu ketika perjalanan dan solat Jumaat di bangunan penginapan jemaah haji.

YB Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im turut menekankan komitmen **TH** untuk terus menyampaikan bimbingan menyeluruh kepada bakal haji melalui pelbagai program pra hingga pasca musim haji. Kursus Asas Haji bagi Musim Haji 1447H/2026 bermula pada awal Oktober ini dengan 13 siri di seluruh negara. Modul yang disusun bukan sahaja merangkumi fiqh manasik, tetapi juga ilmu fardhu 'ain seperti taharah, solat, fiqh wanita, kesihatan dan pengurusan haji.

“**TH** akan terus memperkukuh bimbingan asas fardhu ‘ain termasuk aspek akidah dan tasawwur Islam. Dengan usaha ini, maqasid manasik haji diharap dapat melahirkan jemaah yang benar-benar beriman dan bertaqwa, seterusnya menyumbang kepada pembentukan warganegara soleh dan musleh,” jelas beliau lagi.

Kedua-dua program ini dianjurkan oleh **TH** dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). Majlis turut dihadiri Pengerusi **TH**, YBhg Tan Sri Abdul Rashid Hussain; Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Tuan Haji Mustakim Mohamad; Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Datuk Dr. Sirajuddin bin Suhaimee; Mufti Wilayah Persekutuan Sahibus Samahah Ahmad Fauwaz bin Fadzil; Mufti Negeri Selangor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji **TH**–JAKIM Sahibus Samahah Dato' Setia Dr. Haji Mohd Anhar bin Haji Opir serta wakil-wakil agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

– TAMAT –